SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA

# SIARAN MEDIA

## KEMBARA KERJAYA MADANI S.P.A X MYFUTUREJOBS PUTRAJAYA 2026: KERJASAMA STRATEGIK SPA DAN PERKESO MEMPERLUAS AKSES PELUANG KERJAYA SEKTOR AWAM DAN SWASTA

---

**PUTRAJAYA, 31 Oktober 2026 –** Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melalui platform MYFutureJobs telah menganjurkan Program Kembara Kerjaya MADANI S.P.A X MYFutureJobs Putrajaya 2026 selama dua (2) hari, bermula 30 hingga 31 Oktober 2026, bertempat di Kompleks F, Putrajaya.

Penganjuran program ini merupakan kesinambungan komitmen SPA dalam memperluas penyampaian maklumat dan perkhidmatan berkaitan peluang kerjaya kepada masyarakat, khususnya dalam sektor perkhidmatan awam dan swasta. Dengan sasaran kehadiran seramai 10,000 orang pengunjung, program ini menjadi platform sehenti yang menghimpunkan pelbagai peluang pekerjaan, perkhidmatan konsultasi kerjaya, sesi perkongsian ilmu serta aktiviti kemasyarakatan. Kerjasama strategik antara SPA dan PERKESO turut membuka ruang yang lebih luas kepada pencari kerja untuk meneroka peluang pekerjaan berdasarkan kelayakan, kemahiran dan potensi masing-masing.

Pada hari pertama penganjuran, YBhg. Dato' Seri Dr. Ahmad Jailani bin Muhamed Yunus, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP), turut mengadakan tinjauan bagi melihat secara dekat perjalanan program. Program ini juga menyediakan perkhidmatan konsultasi secara bersemuka yang merangkumi khidmat nasihat berkaitan tatacara permohonan jawatan, pendaftaran dan pengemaskinian maklumat dalam Sistem Permohonan Jawatan S.P.A (SPA9), semakan status permohonan serta padanan jawatan berdasarkan kelayakan akademik. Pengunjung turut berpeluang menyertai pelbagai sesi taklimat berkaitan laluan kerjaya dalam sektor perkhidmatan awam.

Dalam program sama, SPA juga melaksanakan temu duga terbuka bagi jawatan Jururawat Gred U5 pada 30 dan 31 Oktober 2026, manakala temu duga terbuka bagi jawatan Pegawai Veterinar Gred GV9 diadakan pada 31 Oktober 2026. Kedua-dua urusan temu duga ini membuka peluang kepada calon yang memenuhi syarat kelayakan skim perkhidmatan berkenaan untuk menghadiri sesi temu duga secara langsung. Selain itu, PERKESO melalui platform MYFutureJobs turut menyediakan peluang temu duga terbuka bersama majikan swasta.

Bukan itu sahaja, SPA turut melaksanakan Ujian Pemeriksaan Fizikal, Pancaindera dan Kecergasan secara Terbuka (WIN-UFPK) pada kedua-dua hari penganjuran. Antara komponen penilaian yang dilaksanakan termasuk pemeriksaan indeks jisim badan (BMI), ukuran dada bagi calon yang berkenaan, ujian penglihatan dan pengecaman warna, pemeriksaan tubuh badan, ujian gaya berjalan serta ujian kecergasan seperti bangun tubi, lari pecut 20 meter dan lari ulang alik 20 meter berperingkat *(bleep test).* Pelaksanaan ujian ini merupakan sebahagian daripada usaha SPA untuk memudah cara proses penilaian calon bagi jawatan yang mensyaratkan tahap kesihatan fizikal dan kecergasan tertentu.

Dalam usaha mendekati masyarakat secara lebih inklusif, program ini turut membuka ruang penyertaan kepada pelbagai agensi kerajaan dan rakan strategik menerusi pameran perkhidmatan serta kaunter penerangan. Antaranya termasuk Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) dan GIATMARA. Ini membolehkan pengunjung memperoleh maklumat secara terus mengenai fungsi, perkhidmatan serta peluang kerjaya dan latihan kemahiran yang ditawarkan selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan keterangkuman serta kesejahteraan rakyat.

Di samping pengisian berkaitan kerjaya, program ini turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti dan perkhidmatan kepada masyarakat. Sepanjang dua (2) hari penganjuran, pengunjung berpeluang mendapatkan barangan keperluan harian pada harga berpatutan menerusi Jualan Rahmah MADANI. Sementara itu, pada hari kedua penganjuran, pelbagai perkhidmatan tambahan turut disediakan termasuk pemeriksaan kesihatan dan

pergigian, kempen pendermaan organ, perkhidmatan van Mekar JPN serta perkhidmatan kaunter bergerak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ Mobile). Kepelbagaian pengisian ini menjadikan program ini bukan sahaja memperluas akses kepada peluang kerjaya, malah turut menyokong aspek kebajikan dan kesejahteraan masyarakat.

Secara keseluruhannya, penganjuran Kembara Kerjaya MADANI SPA X MYFutureJobs Putrajaya 2026 mencerminkan komitmen berterusan SPA untuk memperkukuh hubungan strategik antara agensi kerajaan, pihak industri dan masyarakat. Melalui pendekatan penyampaian perkhidmatan secara langsung, SPA akan terus mempergiat inisiatif turun padang bagi meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap urusan pengambilan ke perkhidmatan awam, memperluas akses kepada maklumat kerjaya serta menyokong usaha pembangunan modal insan negara yang kompeten, berdaya saing dan berintegriti.

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**
**31 OKTOBER 2026**